



**UCAPAN LAWATAN KERJA RASMI**

**OLEH**

**TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA  
YANG BERHORMAT DATUK SERI AHMAD MASLAN**

**SEMPENA**

**LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA  
KE AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH UTARA**

**BERTEMPAT DI:**

**AUDITORIUM ABM WILAYAH UTARA, SINTOK, KEDAH**

**PADA:**

**18 FEBRUARI 2024 (AHAD)**

## **SALUTATION**

Yang Berhormat

**Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria**

Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia

Yang Berusaha

**Mohd Nazri Hj Zakaria**

Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara

Yang Berusaha

**Encik Mohd Hafiz Dasahi**

Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Technologies

Pegawai Kementerian Kerja Raya

Pegawai CIDB Malaysia dan Operasi Anak Syarikat CIDB Malaysia

Seterusnya pelatih-pelatih yang dihormati sekalian

***Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani***

Bismillahirrahmanirrahim,

## **PENDAHULUAN**

1. Apa khabar semua? Saya harap saudara saudari sihat wal afiat.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, dapat kita berkumpul pada harini. Dikesempatan ini, saya ingin

merakamkan ucapan terima kasih khususnya kepada CIDB dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Kerja Raya ke ABM Wilayah Utara diadakan.

Para Pelatih yang saya kasihi,

3. Sebagai pelatih yang sedang menjalani latihan di ABM dan CIDB Technologies, anda berada di landasan yang akan membentuk masa depan industri negara kita. Anda tidak hanya sedang memperoleh kemahiran teknikal, tetapi juga sedang memupuk nilai-nilai kepimpinan yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia pekerjaan.
4. Jadikanlah setiap peluang latihan sebagai platform untuk berkembang. Jangan hanya mempelajari kemahiran, tetapi juga tanamkan nilai-nilai integriti, inovasi, dan kerjasama dalam setiap tindakan anda. Ingatlah bahawa anda bukan sahaja sedang menjadi pekerja mahir, tetapi juga calon pemimpin industri yang akan membawa perubahan positif.
5. Selagi anda berusaha dan tidak pernah berhenti belajar, tiada yang tidak mungkin dicapai. Jadikanlah keazaman dan semangat anda sebagai pendorong untuk mencapai kecemerlangan. Percayalah bahawa anda memiliki potensi yang tidak terhingga untuk mencipta impak yang besar dalam industri dan masyarakat.
6. Berdasarkan statistik, lebih daripada 80,000 pekerja mahir telah dilatih melalui program latihan dan penilaian yang dijalankan oleh ABM dan CIDB Technologies dengan peruntukan sebanyak RM232 juta bagi tahun 2018 hingga 2023. Peruntukan yang disediakan ini merupakan satu pelaburan untuk pembangunan industri pembinaan dalam

memastikan pekerja binaan mendapat latihan kompetensi yang sewajarnya dalam bidang kemahiran.

7. Secara puratanya dari tahun ke tahun pencapaian kebolehpasaran graduan TVET adalah melebihi 85 peratus. Dengan kadar kebolehpasaran yang tinggi ini menjadikan TVET sebagai pilihan utama lepasan sekolah.

### **MAJLIS GRADUASI**

8. Baru-baru ini CIDB telah menganjurkan Majlis Graduasi di ABM Wilayah Utara yang menyaksikan lebih daripada 200 graduan telah menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang serta diberikan pengiktirafan melalui Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Akta 520 CIDB.
9. Dalam majlis tersebut, 13 graduan cemerlang telah diraikan dengan anugerah Pelatih Cemerlang, sementara dua alumni dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan dan seorang pelatih ABM menerima Sijil Khas "Special Mention".
10. Tiga individu yang menerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan dan Sijil Khas Special Mention telah mencerminkan semangat kegigihan dalam pembangunan kemahiran dalam industri pembinaan. Dengan Sijil SKKP CIDB, dua individu iaitu Muhammad Nurhasifi Yusof (37 Tahun) dan Muhammad Asri Abu Bakar (33 Tahun) telah mencapai pendapatan yang tinggi, menjadi Usahawan Jentera Berat dan Safety Officer & Scaffolding Inspector.

11. Manakala , Muhammad Habibullah Mohd Yusuff telah menjadi wakil tunggal CIDB di Pertandingan World Skills di Abu Dhabi, memenangi Medallion of Excellence dalam kategori Refrigeration and Air Conditioning..
12. Penganugerahan dan kejayaan ini tidak datang dengan sendirinya, pastinya tidak mudah dan terdapat cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi. Namun, ingatlah bahawa setiap usaha yang anda lakukan hari ini adalah pelaburan untuk masa depan anda dan negara.
13. Anda semua patut bangga dengan setiap usaha yang telah anda lakukan untuk mencapai kejayaan ini. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) yang anda bakal terima setelah lulus ujian penilaian nanti bukan sekadar sehelai kertas, tetapi ia adalah sijil perakuan kompetensi anda sebagai pekerja mahir dalam bidang yang diceburi dan memenuhi kehendak Akta 520 sebagai pekerja binaan yang diakui mahir oleh CIDB.

### **PROGRAM ANJURAN CIDB BAGI LEPASAN ABM DAN CIDB TECHNOLOGIES**

14. Jadi, manfaatkan peluang yang ada melalui program anjuran CIDB sedia ada khususnya bagi program yang disediakan untuk lepasan graduan ABM dan CIDB Technologies, seperti Program Usahawan Kemahiran Belia Bumiputera (*Skilltechpreneur*) untuk memperlengkapkan usahawan binaan dengan latihan pengurusan perniagaan dan praktikal keusahawanan secara *hands on*. Ini selaras dengan aspirasi kerajaan melalui Kongres Ekonomi Bumiputera untuk melahirkan Bumiputera berpendapatan tinggi dan juga mampu menawarkan pekerjaan kepada orang lain.

15. CIDB telah menetapkan bagi tahun 2024 untuk melahirkan dan membangunkan seramai 60 peserta program Skillrepreneur bagi bidang seperti kerja Elektrikal, Perpaipan, Penyaman udara, *Building Operation Maintenance* (BOM), kerja cat dan penjubinan.
16. CIDB juga melalui anak syarikat, CIDB E-Construct Service Sdn Bhd telah bangunkan perkhidmatan baharu iaitu “Xpresfix”, ianya merupakan platform digital yang menghubungkan pelanggan dengan penyedia perkhidmatan seperti kontraktor atau *handy man* untuk kerja-kerja pembaikan/ ubah suai dan pembinaan rumah.
17. Justeru, para pelatih seharusnya merebut peluang untuk mendaftar sebagai penyedia perkhidmatan Xpresfix kepada yang baru hendak memulakan perniagaan dalam bersaing dengan penyediaan perkhidmatan sedia ada.

Para Pelatih yang dikasihi,

### **RANCANGAN MALAYSIA KE-12**

18. Rancangan Malaysia ke 12 (2021-2025) menekankan bahawa membangunkan bakat masa hadapan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi. Justeru, Ekosistem TVET perlu diperkukuh supaya negara dapat menangani beberapa isu sosio ekonomi penting termasuk, kebergantungan kepada pekerja asing, pampasan pekerja yang rendah serta pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia.

19. Oleh yang demikian kesemua institusi latihan TVET perlu memastikan kebolehpasaran pelatih yang dikeluarkan adalah berkesan. Ini hanya boleh dicapai dengan kerjasama industri dalam memastikan jenis kemahiran serta standard kemahiran yang dilatih di institusi berkenaan menepati keperluan industri.
20. Dengan keperluan industri yang senantiasa berkembang, para pelatih perlu menyesuaikan latihan kemahiran dengan mengadaptasi penggunaan teknologi terkini selaras dengan strategi yang telah ditetapkan di dalam Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030.
21. Pada masa ini, CIDB telah memulakan langkah dengan membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran secara teknologi digital yang akan mengaplikasi penggunaan *Augmented Realitu (AR)*/ *Virtual Reality (VR)* dan *Drone* seperti telah disediakan di ABM Utara ini.

## **PENUTUP**

Akhir kata, saya berdoa agar setiap langkah anda akan sentiasa dipermudahkan. Teruslah berusaha dan ingatlah bahawa masa depan adalah hasil corakan anda sendiri.

Sekian, Terima kasih.

***Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***